



Kertok

Kertok ialah sejenis alat muzik idiofon yang popular di Kelantan. Kertok diperbuat daripada kayu atau kelapa. Ketika di pesta dan majlis keramaian seperti menyambut hari keputeraan sultan dan lain-lain, kertok dimainkan dalam pertandingan secara berpasukan. Setiap pasukan kertok terdiri daripada lapan hingga 10 orang pemain.

Untuk membuat kertok kelapa, sebiji kelapa yang cukup besar dan tua diperlukan. Bahagian atas kelapa dipotong merentas untuk dibuang isinya, yang meninggalkan lubang yang besar. Kemudian, sekeping papan kecil yang dipanggil belira atau daun, diletakkan merentangi permukaan lubang itu. Pada pangkal belira, ditebuk lubang untuk dimasukkan kayu bulat yang dipancang pada muka kelapa supaya kedudukan belira tidak bergoyang apabila dipalu. Kayu juga dipancang pada hujung belira.

Kertok kayu pula diperbuat daripada kayu yang keras dan tahan lama seperti halban, nangka, tembusu dan lain-lain. Terdapat dua jenis kertok kayu, iaitu jenis zilofon yang berbentuk kepingan kayu yang dipasang pada kotak alat

resonans (*resonator*) seperti kertok kelapa.

Untuk membuat kertok kayu yang mempunyai alat resonans, kayu yang dipilih akan ditebuk lubang di tengah-tengahnya (seperti lubang kelapa) dan direntangi dengan belira. Besi bulat digunakan untuk memancang belira pada kayu supaya tidak goyang. Tali digunakan untuk mengikat kertok ke tanah supaya lebih kukuh apabila dimainkan.

Alat palu kertok pula diperbuat daripada kayu yang berbalut kepingan getah agar alat tersebut anjal dan tidak merosakkan permukaan kertok. Kertok dipalu pada bahagian belira untuk menghasilkan tiga jenis nada, iaitu nada tinggi, rendah dan paling rendah atau "ubal". Dalam pertandingan kertok, setiap pasukan diberi giliran untuk memalu kertok masing-masing mengikut rentak nada yang ditetapkan. Mereka diadili berdasarkan kepakaran menghasilkan rentak nada dan juga irama harmoni yang diwujudkan oleh setiap pasukan itu. ds

Rencana ini ialah petikan daripada
Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu,
terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka